

09/08/1997

Kedah wujud pusat rehat kesihatan

Hatipah Ahmad; Meor Hisham Zulkifli

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan Kedah mengenal pasti tapak seluas 100 ekar bagi membangunkan pusat peranginan kesihatan berharga RM200 juta, selaras dengan hasrat menjadikan Langkawi pusat pelancongan serba lengkap.

Pusat yang menggabungkan kaedah rawatan moden dan tradisional itu akan dibangunkan secara usaha sama antara Promto Bhd, International Healthcare Group For Rehabilitation (IHCGR) dari Jerman dan Langkawi Healthcare Sdn Bhd.

Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid, berkata pusat itu nanti berfungsi sebagai pusat pemulihan dan penjagaan kesihatan bagi pesakit yang sudah menjalani pembedahan atau menerima rawatan di hospital biasa.

"Ia akan mengambil konsep kepulauan `Naturopahy' di Jerman yang menggabungkan perubatan moden, teknik meditasi yang diiringi perubatan tradisional, kerohanian dan herba," katanya selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara ketiga-tiga syarikat itu di sini hari ini.

Hadir sama pada majlis itu, Pengerusi Promto Bhd, Datuk Hanafi Ramli; Pengarah Langkawi Healthcare, Azizan Khalib; dan pengasas serta Ketua Pengarah Eksekutif IHCGR, Wolfgang Schmidt.

Selain untuk rawatan selepas pembedahan, pusat itu turut menyediakan rawatan jantung, ortopedik, neurologi, gastrologi, pusat rawatan tradisional Cina dan Indonesia, naturopathy India, peralatan untuk latihan kecergasan, pusat ubatan herba dan sauna.

Sanusi berkata, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merestui pembinaan pusat itu manakala kerajaan negeri pula, selain menyediakan tapak, akan memberi bantuan sepenuhnya kepada syarikat terbabit.

"Kajian penubuhan dan pembinaan pusat berkenaan dijangka mengambil masa dua tahun."

"Sebagai pusat peranginan kesihatan, pusat berkenaan mempunyai kemudahan seperti hotel yang menyediakan lanskap yang menarik, restoran makanan antarabangsa dan kemudahan lain bertujuan memastikan pesakit pulih di samping menenangkan fikiran," katanya.

Sementara itu, Wolfgang Schmidt, berkata tempoh rawatan bagi setiap pesakit di pusat itu adalah antara dua hingga enam minggu bergantung kepada tahap rawatan yang diberikan.

(END)